

Warga UMP Sambut Maulidur Rasul

SINAR HARIAN (UAMPUS) 3 JAN 2019 (RABU) M/S: 25

KUANTAN - Lebih 600 warga **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** terdiri kakitangan pentadbiran, pensyarah dan pengurusan tertinggi menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMP 1439H/2017M, baru-baru ini.

Majlis sambutan bertemakan 'Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara' berlangsung di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, sambutan itu bukan sahaja merupakan manifestasi kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW, tetapi lebih dari itu, ia merupakan manifestasi komitmen menuruti jejak langkah yang dicontohkan baginda sebagai ikutan terbaik kepada seluruh umat.

Menurutnya, dalam konteks perkhidmatan sebagai penjawat awam di universiti itu khususnya, terlalu banyak warisan akhlak, nilai dan etika ditinggalkan Nabi Muhammad SAW untuk aplikasikan bagi tujuan peningkatan kualiti peribadi dan pengembangan prestasi organisasi.

"Komitmen strategik terhadap aplikasi akhlak, nilai dan etika tersebut sebenarnya telah pun dizahirkan oleh UMP melalui kelima-lima Nilai Teras



Dr Daing Nasir menyertai Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMP bersama warga universiti di UMP Pekan baru-baru ini.

Universiti ini iaitu Hubungan Yang Kuat Dengan Maha Pencipta, Teguh Dalam Mempertahankan Prinsip Yang Disepakati, Kreatif Dalam Membuat Keputusan Yang Bijaksana, Cekal Menghadapi Cabaran dan Proaktif Dalam Tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis itu, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Datuk Ts Dr Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Yuserrrie Zainuddin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Dr Mashitah Mohd Yusoff.

Sementara itu, Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Dr Mahyuddin Ismail berkata, sambutan itu dapat menghidupkan penghayatan Maulidur Rasul sambil berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

Katanya, program keagamaan sedemikian wajar dihidupkan dan diberi penghayatan dalam usaha memupuk nilai murni dan nilai kemasyarakatan dalam kalangan warga UMP di sebalik kesibukan dalam memartabatkan universiti di peringkat yang lebih tinggi.

Pada sambutan itu turut berlangsung ceramah Maulidur Rasul disampaikan Eksekutif Kanan, Jabatan Syariah dan Halal, QSR Brands (M) Holdings Berhad yang juga Panelis Radio Ikm, Ustaz Hafiz Mansor.

Manakala pertandingan perarakan menyaksikan 21 kontinjen mengambil bahagian dengan diadili mengikut beberapa kriteria iaitu keseragaman pakaian, kreativiti hiasan serta sependuk dan juga kerjasama berpasukan.

Jabatan Bendahari berjaya merangkul tempat pertama diikuti oleh Jabatan Pendaftar di tempat kedua manakala di tempat ketiga dimenangi kumpulan mahasiswa Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS).